

**SEKRETARIAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR/TIMBALAN REKTOR  
(HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)  
UNIVERSITI AWAM MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA**

**SEKRETARIAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR/TIMBALAN  
REKTOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI) UNIVERSITI  
AWAM MENYOKONG PENANGGUHAN KEPULANGAN PELAJAR  
KE KAMPUS**

Sekretariat Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Awam, menyokong sepenuhnya keputusan pihak Kementerian Pengajian Tinggi menangguhkan kepulangan semula pelajar ke kampus sepertimana Kenyataan Media yang dikeluarkan pada 2 Oktober 2020.

Keputusan ini adalah satu langkah yang berani namun prihatin dalam memastikan kesejahteraan dan kesihatan pelajar, ibu bapa, masyarakat serta seluruh rakyat Malaysia ketika Pandemik COVID-19 mencatatkan peningkatan yang ketara.

Semua pelajar disarankan agar memberikan kerjasama erat dengan melaksanakan sesi pendaftaran, minggu suaikenal, pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti kemahasiswaan secara dalam talian sehingga keadaan kembali pulih.

Sekiranya pelajar mengalami masalah dari keputusan penangguhan ini, kami Sekretariat Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Awam sentiasa bersedia untuk menghulurkan bantuan demi kebajikan pelajar yang tercinta.

Patuhilah SOP yang ditetapkan dan titipkanlah doa agar Universiti kita dan Malaysia tercinta terpelihara dari pandemik COVID-19 ini.

**PROF DATO Ts DR YUSERRIE ZAINUDDIN**  
PENGERUSI SEKRETARIAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR/TIMBALAN  
REKTOR  
(HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI) UNIVERSITI AWAM  
2 OKTOBER 2020